

BAKTI derma \$5,000 untuk Yayasan Ashley Zecka

● SEKEPING cek berharga \$5,000 mungkin begitu bernilai bagi Puan Austen Zecka (kiri) yang diterimanya dari Datin Seri Dr. Siti Hasmah selaku Pengerusi BAKTI di Majlis Penyampaian Sumbangan BAKTI yang diadakan di Rumah Malaysia kelmarin.

Puan Austen, Pengarah Yayasan Ashley Zecka adalah antara beberapa orang dan badan kebajikan yang turut menerima sumbangan BAKTI.

Yayasan Ashley Zecka ditubuhkan kira-kira empat tahun lalu bagi mengingati anaknya, Ashley Zecka, 3, yang meninggal dunia akibat penyakit pendarahan pada bulan April 1979.

"Sejak itu saya dan suami saya menyedari betapa Malaysia perlu menubuhkan sebuah hospital yang serba lengkap terutama dalam bidang 'haetomology' ini," ujarnya.

"Bayangkan sebuah alat 'platelets' sahaja untuk menampung kira-kira 14 juta penduduk Malaysia?" katanya lagi.

Setakat ini yayasan tersebut telah menyumbangkan biasiswa kepada pelajar-pelajar Malaysia yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di bidang tersebut dan juga menghantar beberapa orang pegawai ke luar negeri untuk mengikuti seminar di bidang itu.

"Kami tidak mahu lagi ibu bapa merasakan apa yang kami rasa, iaitu kehilangan seorang anak yang comel," katanya.

— Gambar Berita Harian.

